

BAB EMPAT

KAITAN ANTARA KONSEP PENDIDIKAN LUQMAN DAN KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM KBSM

4.1. PENDAHULUAN

Di dalam bab yang lalu telah dibentangkan tentang pendidikan yang telah diutarakan oleh Luqman Al-Hakim kepada anaknya. Pada keseluruhannya, pendidikan yang dijelaskan oleh Luqman Al-Hakim bolehlah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu akidah, ibadat dan akhlak. Bagi melihat sejauhmana kaitan antara pendidikan yang dijelaskan oleh Luqman Al-Hakim dengan kurikulum Pendidikan Islam KBSM, maka kajian khusus ditumpukan kepada sukatan pelajaran Pendidikan Islam, Huraian Sukatan Pendidikan Islam dan buku teks Pendidikan Islam.

Kurikulum Pendidikan Islam KBSM yang merupakan kesinambungan Pendidikan Agama Islam KBSR terbahagi kepada dua bahagian yang besar itu bahagian Tilawah Al-Quran dan bahagian Ulum Syariah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988).

Bahagian Tilawah Al - Quran menumpukan kepada kemahiran membaca

ayat-ayat Al-Quran, memahami isi kandungan serta pengajaran ayat serta menghafaz ayat-ayat tertentu. Bahagian Ulum Syariah pula mencakupi bidang-bidang akidah, ibadat, akhlak dan sirah nabawiyah (tingkatan 1 - 3) atau tamadun Islam (tingkatan 4 - 5)

4.2. ASAS AKIDAH DALAM PENDIDIKAN ISLAM KBSM

Pendidikan Luqman Al-Hakim sangat mengutamakan kemurnian akidah dengan cara mentauhidkan Allah dengan sebenar-benarnya dalam segala aspek tauhid sama ada rububiah, uluhiah ataupun asma' wa sifat. Tauhid yang murni hanya dapat dicapai melalui penolakan sepenuhnya terhadap sebarang bentuk syirik kepada Allah. Demikianlah rahsia firman Allah sewaktu menceritakan pengajaran Luqman Al-Hakim dalam ayat 13.

Pengajaran Luqman Al-Hakim dari segi akidah dapatlah dianggap sebagai pengetahuan asas yang wajib dipercayai oleh setiap orang Muslim kerana ia adalah asas bagi agama Islam dan rukun iman yang lain.

Apabila melihat kepada asas akidah dalam Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam KBSM, ia dimulai dengan menanamkan asas-asas akidah yang berteraskan tauhid dan iman yang mencakupi :-

- i- beriman kepada Allah
- ii- beriman kepada malaikat
- iii- beriman kepada kitab
- iv- beriman kepada rasul
- v- beriman kepada hari akhirat
- vi- beriman kepada qadha' dan qadar

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988)

Asas-asas keimanan seterusnya dipupuk dan diperkuuhkan lagi dengan dalil-dalil aqli dan naqli tentang kewujudan Allah serta kekuasaanNya dan dikaitkan dengan kehidupan seharian. Kemudian diteguhkan lagi dengan keimanan kepada malaikat dengan melihat tugas-tugas malaikat, kitab-kitab yang diturunkan Allah, rasul - rasul yang diutuskan oleh Allah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988).

Daripada asas-asas tadi, dapat menimbulkan rasa cinta kepada Allah, malaikat, rasul dan kitab. Kemudian kepercayaan kepada hari akhirat diperkuuhkan lagi dengan pembicaraan tentang ajal manusia, siksa dan nikmat kubur, perkara-perkara yang berlaku di akhirat dan konsep qadha' dan qadar.(Kementerian Pendidikan Malaysia , 1988).

Setelah asas-asas keimanan diperkenalkan, diikuti pula dengan usaha untuk

menimbulkan kesedaran untuk menghayati ajaran Islam sebagai addin iaitu menghayati Islam dalam semua bidang kehidupan. Untuk tujuan itu, perkara-perkara yang dibincangkan ialah Islam sebagai pembawa rahmat kepada manusia dan alam sarwajagat dan peanan iman dalam kehidupan manusia. (Kementerian Pendidikan Malaysia , 1988).

Oleh kerana iman sangat berharga dalam kehidupan manusia, maka ia perlulah dijaga daripada perkara-perkara yang boleh merosakkannya. Oleh itu, asas akidah ini diakhiri dengan memperkenalkan perkara-perkara yang boleh membatalkan iman dan dosa-dosa besar seperti syirik, khurafat, bid'ah, nifak, riddah dan kufur dan untuk mendapat jalan keluar daripada kesalahan-kesalahan itu diperkenalkan konsep taubat (Kementerian Pendidikan Malaysia , 1988).

Daripada perbincangan-perbincangan tadi, dapatlah disimpulkan bahawa isi pengajaran akidah dalam Pendidikan Islam KBSM adalah terperinci lagi perbincangannya terhadap asas-asas keimanan yang meliputi kesemua rukun iman yang enam berbanding dengan pendidikan Luqman yang hanya menyentuh tentang asas akidah sahaja. Ini bukanlah bermakna pendidikan Luqman tidak lengkap atau tidak sempurna kerana beriman dengan Allah yang ditekankan oleh Luqman adalah perkara yang paling asas dalam akidah Islam. Pendidikan Luqman merumuskan pokok pangkal akidah manakala Pendidikan Islam KBSM memperincikannya.

Bidang Tilawah Al-Quran turut memperkuat dan mengukuhkan keyakinan terhadap asas-asas akidah tadi dengan dalil-dalil naqli daripada Al-Quran. Di bawah ini dikemukakan ayat-ayat yang berkaitan asas-asas akidah yang terdapat dalam Tilawah Al-Quran tingkatan 1 - 5 .

Tingkatan	Surah	Ayat	Berkaitan
Satu	Al-Baqarah Al-Kahfi	3 - 4	Beriman dengan perkara ghaib dan hari akhirat
		22	Tauhid kepada Allah
		37	Asma'ul Husna
		102	Sihir
		155 - 156	Tidak berputus asa
		218	Mencari keredhaan Allah
		249	Kemenangan di tangan Allah
		255	Sifat-sifat Allah
		256	Kebebasan beragama
		285	Rukun-rukun iman
		21	Janji-janji Allah
		23 - 24	Kekuasaan Allah
Dua	Ali-Imran	15	Asma'ul Husna
		18	Asma'ul Husna
		26 - 27	Kekuasaan Allah

		49	Hari kiamat
Tiga	Al-Maidah Al-A'raf Al-Jumu'ah	67	Kerasulan
		3	Kitab
		57 - 58	Kekuasaan Allah
		59	Kerasulan (Nabi Nuh)
		65	Kerasulan (Nabi Hud)
		73	Kerasulan (Nabi Saleh)
		80	Kerasulan (Nabi Lut)
		85	Kerasulan (Nabi Syuib)
		172	Tauhid
		1	Asma'ul Husna
Empat	Al-An'am Luqman Al-Mukminun	7	Mati / Ajal
		11	Balasan
		163	Tauhid (Syirik)
		13	Tauhid (Syirik)
Lima	At-Taubah Al-Hasyr An-Nur	16	Tauhid (Ilmu Allah)
		11	Syurga / Balasan
		128	Kerasulan Nabi Muhammad
		129	Iman kepada Allah
		21	Kitab Allah
		22 - 24	Asma'ul Husna
		35	Kewujudan dan kekuasaan Allah

Daripada jadual di atas, bolehlah dibuat kesimpulan bahawa asas akidah yang berteraskan rukun iman yang enam dan bertunangkan tauhid yang sebenarnya telah dimasukkan ke dalam sukan pelajaran Pendidikan Islam KBSM.

4.3. ASAS IBADAT DALAM PENDIDIKAN ISLAM KBSM

Ibadat dalam Islam mempunyai maksud yang sangat luas. Ia merangkumi ibadat khusus seperti solat, puasa, zakat dan haji di samping ibadat umum yang meliputi segala perkara yang diberkati oleh Allah.

Asas ibadat dalam pendidikan Luqman telah meletakkan ibadat solat yang merupakan saluran utama hubungan manusia dengan Allah di tempat yang paling utama bagi melambangkan pokok pangkal kepada ibadat-ibadat khusus yang lain. Ini adalah kerana bukan sahaja ia adalah amalan yang mula-mula dihisab di hari akhirat nanti bahkan segala amalan yang lain juga bergantung kepada kesempurnaannya. Itu sebabnya ia mendahului ibadat-ibadat lain yang terdapat di dalam Rukun Islam selepas mengucap dua kalimah syahadat.

Selain daripada itu, pendidikan Luqman juga memberi penekanan terhadap usaha menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran yang boleh digolongkan sebagai ibadat umum

Asas ibadat yang terdapat di dalam Pendidikan Islam KBSM dimulakan dengan pengetahuan asas yang sangat penting iaitu memahami cara-cara bersuci menurut Islam dan menghayatinya. Sehubungan dengan itu, diuraikan perkara-perkara :-

i- bersuci menurut Islam

ii- wudhu'

iii- mandi wajib

iv- sertu dan samak

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988)

Setelah didedahkan dengan tajuk-tajuk tadi, barulah pelajar-pelajar didedahkan dengan ibadat solat sama ada yang fardhu (termasuk Solat Jumaat dan solat berjemaah) ataupun yang sunat seperti Tahiyatul Masjid dan Rawatib di samping rukhsah dalam solat seperti Solat Jamak dan Qasar. (Kementerian Pendidikan Malaysia , 1988). Oleh kerana ia tiang agama yang wajib ditunaikan dalam apa keadaan sekalipun, maka seterusnya diajar pula cara solat dalam keadaan sakit dan peperangan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988).

Daripada huraian di atas membuktikan bahawa Pendidikan Islam KBSM sangat menitikberatkan terhadap ibadat solat sebagaimana Luqman yang sangat menekankan tentang solat terhadap anak-anaknya.

Seterusnya, dipupuk pula ibadat puasa yang merangkumi kewajipan puasa, rukhsah dalam puasa serta qadha' dan fidyah puasa. Juga diutarakan tajuk berkaitan zakat fitrah , haji, sembelihan, korban dan akikah dan diakhiri dengan bab munakahat (Kementerian Pendidikan Malaysia , 1988).

Daripadauraian di atas, bolehlah dibuat kesimpulan bahawa isi pengajaran ibadat Pendidikan Islam KBSM merangkumi keseluruhan Rukun Islam. Huraianya adalah lebih lengkap berbanding dengan asas-asas ibadat yang terkandung di dalam pendidikan Luqman yang hanya menumpukan bab solat sahaja.

Bidang Tilawah Al-Quran turut memperkuatkan lagi perbincangan tentang ibadat di mana terdapat ayat-ayat Al-Quran yang menyentuh tentang ibadat . Ia menjadi dalil bagi sesuatu masalah di samping terdapat ayat-ayat bahagian Tilawah Al-Quran yang membincangkannya dengan secara tidak langsung masalah-masalah ibadat.

Tingkatan	Surah	Ayat	Berkaitan
Satu	Al-Baqarah	3	Solat, zakat
		21	Ibadat
		45	Solat
		83	Ibadat
		186	Doa

		201	Doa
		250	Doa
		261	Infak
		286	Doa
	Al-Kahfi	10	Doa
Dua	Ali Imran	8	Doa
		104	Amar Makruf Nahi Mungkar
	An-Nisa'	43	Solat
	Al-Maidah	35	Taqwa / Jihad
	Al-A'raf	23	Doa
		205	Zikrullah
	As-Sof	4	Jihad
	Al-Jumu'ah	9 -10	Solat Jumaat
Empat	Al-An'am	162	Solat
	Luqman	17	Solat
	Al-Mukminun	3	Solat
		4	Zakat
		9	Solat
Lima	At-Taubah	16	Solat
		56	Solat / Zakat

		60 103	Zakat Zakat
--	--	-----------	----------------

4.4. ASAS AKHLAK DALAM PENDIDIKAN ISLAM KBSM

Kedatangan agama Islam bukan sekadar untuk membetulkan akidah manusia semata-mata bahkan juga untuk mendidik manusia dengan nilai-nilai akhlak yang terpuji sesuai dengan tugasnya sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. Oleh itu, pendidikan Luqman juga telah menitikberatkan tentang beberapa perkara yang menjadi asas pembentukan peribadi yang mulia seperti berbuat baik kepada ibu bapa, pengawasan diri terhadap Allah dan menghayati sifat-sifat utama seperti sabar, merendah diri dan tidak takabbur, tawadhu' dan sentiasa sederhana dalam setiap tindakan yang dilakukan.

Di dalam kurikulum Pendidikan Islam KBSM, terdapat satu bahagian khusus dalam bidang Ulum Syari'ah yang dinamakan Bahagian Adab dan Cara Hidup Islam. Bab ini dimulakan dengan menerapkan nilai-nilai akhlak mulia dan adab sopan yang perlu dihayati di dalam kehidupan seharian seperti adab dengan Allah, Rasul, keluarga, guru, rakan dan jiran tetangga. Kemudian diterapkan nilai-nilai akhlak yang lain seperti rajin, tekun, bersungguh-sungguh, berani kerana benar, sederhana, berjimat cermat, syukur, berbudi bahasa, perpaduan, amanah dan sanggup berkorban (Kementerian Pendidikan Malaysia , 1988).

Lebih jauh daripada itu, dibentangkan pula kedudukan manusia dan alam sejagat ke arah melaksanakan tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah. Di dalam hal ini, perbincangan tertumpu kepada kepentingan ilmu pengetahuan, menghormati hak umum dan individu serta mengutamakan kepentingan ramai. Akhirnya, dijelaskan pula nilai-nilaiakhlak yang boleh membawa manusia kepada kemajuan diri dan umat seperti toleransi, kesederhanaan, keadilan, menentang penyelewengan, semangat berjihad dan sabar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988).

Daripada perbincangan di atas, jelaslah bahawa pendidikan akhlak yang terkandung di dalam kurikulum Pendidikan Islam KBSM adalah lebih luas lagi berbanding dengan pendidikan Luqman. Namun begitu, yang demikian bukanlah menunjukkan ketidaksempurnaan pendidikan Luqman tetapi adalah kerana pendidikan akhlak yang dijelaskannya hanyalah asas kepada pendidikan akhlak yang begitu luas perbincangannya.

Dalam bahagian Tilawah Al-Quran pula, terdapat beberapa ayat Al-Quran yang membincangkan tentang konsep akhlak. Berikut adalah antara ayat-ayat Al-Quran yang terdapat dalam kurikulum Pendidikan Islam KBSM yang membincangkan tentang akhlak.

Tingkatan	Surah	Ayat	Berkaitan
Satu	Al-Baqarah	9	Larangan menipu diri sendiri
		37	Mengakui kesilapan diri sendiri
		45	Sabar
		60	Larangan melakukan kerosakan
		83	Berbakti kepada ibu bapa
		155-156	Sabar
	Al-Kahfi	28	Sabar
		60	Sabar
Dua	Ali Imran	159	Lemah lembut
	An-Nisa'	180	Larangan bakhil
		17-18	Taubat
		86	Memberi salam
		148 -149	Larangan bercakap perkara yang tidak baik
Tiga	Al-Maidah	3	Tolong menolong
	Al-A'raf	31	Larangan membazir
	As-Saf	2 - 3	Jujur
Empat	Luqman	12	Syukur
		14 - 15	Taat kepada ibu bapa
		16	Sabar

		17	Muraqabah
Al-Mukminun		18	Adab bercakap
		19	Adab berjalan
		3	Tidak melakukan perbuatan sia-sia
		5	Menjaga kehormatan diri
		12	Amanah
Lima	At-Taubah	128	Kasih sayang
	An-Nur	30 - 31	Menutup aurat
	As-Sajdah	15 - 22	Melakukan amal kebajikan
	Al-Fath	1 - 5	Berjihad dan berusaha bersungguh-sungguh

Daripada jadual di atas, jelaslah bahawa pengajaran akhlak turut diselitkan dalam bahagian Tilawah Al-Quran secara tidak langsung. Ini bertepatan sekali dengan pendidikan Luqman yang menitikberatkan berbuat baik kepada ibu bapa, muraqabah, sabar dan sederhana di samping nilai-nilai akhlak mulia yang lain.